

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]

SOALAN NO. 416

Y.B. TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik hutang isi rumah di kalangan rakyat Malaysia mengikut negeri dan kemudiannya terbahagi mengikut jantina dan usia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada akhir-Jun 2019, jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) ialah 82.2%, berbanding dengan tahap tertinggi iaitu 86.9% pada tahun 2015. Lebih daripada dua pertiga jumlah keseluruhan hutang isi rumah tertumpu di Selangor (31%), W.P. Kuala Lumpur (18%), Johor (13%) dan Pulau Pinang (7%) dengan tujuan utama pembelian harta kediaman (60%) dan kenderaan bermotor (12%) serta pembiayaan peribadi (11%).
2. Bagi negeri-negeri lain pula, bahagian pinjaman bagi pembelian harta kediaman adalah lebih rendah (37%) selaras dengan paras harga rumah yang relatifnya lebih rendah. Hutang isi rumah di negeri-negeri ini pula lebih cenderung kepada pembiayaan peribadi (25%) dan pembelian kenderaan bermotor (18%).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Secara keseluruhannya, golongan lelaki merangkumi 62% daripada jumlah hutang isi rumah, manakala golongan wanita merangkumi 38%. Nisbah ini agak setara bagi semua negeri kecuali Kelantan, Perlis dan W.P. Putrajaya (55:45).
4. Mengikut kumpulan umur, sebanyak 67% daripada jumlah keseluruhan hutang isi rumah terdiri daripada peminjam yang berumur di antara 31 hingga 50 tahun dan pinjaman yang dipohon adalah bagi tujuan pembelian harta kediaman (56%), pembiayaan peribadi (17%) serta pembelian kenderaan bermotor (13%). Manakala, golongan muda (individu yang berumur 30 tahun dan ke bawah) merangkumi 9% daripada jumlah hutang isi rumah. Pinjaman dikalangan golongan muda ini adalah untuk pembelian harta kediaman (37%) dan kenderaan bermotor (28%) serta pelaburan dalam dana simpanan (20%).